

PHARMANIAGA DERMAL SA OINTMENT

Betamethasone dipropionate/Salicylic acid (0.05% w/w / 3% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Dermal SA Ointment
2. Bagaimana Pharmaniaga Dermal SA Ointment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Dermal SA Ointment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Dermal SA Ointment

Ia digunakan untuk merawat keradangan kulit seperti psoriasis, dermatitis atopik kronik, ekzema, *neurodermatitis*, *lichen planus*, *seborrhoeic dermatitis* dan keadaan lain di mana kulit menjadi kasar, kering, dan bersisik.

Bagaimana Pharmaniaga Dermal SA Ointment berfungsi

Betamethasone dipropionate adalah salah satu daripada ubat yang dipanggil kortikosteroid. Ia dikelaskan sebagai "kortikosteroid kuat". Ubat ini diletakkan di permukaan kulit untuk mengurangkan kemerahan dan kegatalan yang disebabkan oleh masalah kulit tertentu.

Salicylic acid melembutkan lapisan atas permukaan sisik kulit, yang disebabkan oleh masalah kulit anda. Ini membolehkan betamethasone dipropionate untuk mencapai lapisan di bawah kulit bermasalah untuk membantu menyembuhkannya.

Sebelum menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment

-Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda alah kepada kortikosteroid, *salicylic acid* atau *propylene glycol* atau bahan-bahan lain di dalam produk ini.
- Jika anda mengalami:
 - Jangkitan bakteria, kulat atau virus yang tidak dirawat
 - Kemerahan dibahagian muka
 - Ruam merah di sekeliling mulut atau dagu

Hamil dan menyusukan bayi

Jangan guna Pharmaniaga Dermal SA Ointment jika anda hamil, sedang merancang untuk hamil atau mungkin hamil.

Jangan gunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment jika anda menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat kerana ia boleh mengakibatkan kesan yang tidak diinginkan pada bayi seperti terencat pertumbuhan. *Salicylic acid* juga boleh terserap ke dalam sistem organ badan.

-Sebelum mula mengambil

Sila beri perhatian kepada perkara ini sekiranya anda menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment:

- Apabila ubat ini disapukan di kawasan yang luas, kulit luka atau kulit luka atau dibalut, kortikosteroid mungkin diserap dalam jumlah yang mencukupi untuk menyebabkan kesan sistemik.
- Apabila mempunyai jangkitan, ubat antikulat atau antibakteria yang sesuai harus digunakan. Jika tiada respon yang segera, kortikosteroid harus dihentikan sehingga jangkitan dapat dikawal secukupnya.

- *Salicylic acid* tidak boleh disapukan pada bahagian yang luas untuk tempoh masa yang lama atau di bawah balutan pada kanak-kanak kerana ia boleh menyebabkan kesan toksik.

-Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment

Doktor anda akan memakumkan berapa kerap Pharmaniaga Dermal SA Ointment perlu disapu. Perkara ini juga ada dicetak pada label ubat anda. Ubat ini tidak boleh disapu apabila menggunakan kain pembalut atau plaster.

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu lapisan nipis Pharmaniaga Dermal SA Ointment disapu perlahan-lahan ke kawasan kulit yang terjejas dua kali sehari, sehingga maksimum 60g seminggu.

Rawatan perlu dihentikan apabila masalah kulit dapat dikawal.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Pharmaniaga Dermal SA Ointment untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Ubat ini biasanya digunakan untuk jangkamasa yang singkat sahaja.

-Jika terlupa menggunakan

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

PHARMANIAGA DERMAL SA OINTMENT

Betamethasone dipropionate/Salicylic acid (0.05% w/w / 3% w/w)

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda berfikir anda atau sesiapa mungkin mengguna terlalu banyak ubat ini, hubungi doktor anda dengan serta-merta.

Penggunaan salap pada kulit boleh diserap dalam jumlah yang mencukupi untuk menghasilkan kesan sistemik. Gejala termasuk kekeliruan, pening, sakit kepala, pernafasan yang cepat, berdering atau berdengung di telinga.

Semasa menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment

-Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang telah diberitahu oleh doktor anda.

Sila beritahu dengan ahli farmasi atau doktor anda jika gejala anda tidak bertambah baik. Ahli farmasi atau doktor anda akan menilai keadaan anda dan memutuskan sama ada anda perlu terus menggunakan ubat tersebut.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Pharmaniaga Dermal SA Ointment.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali jika dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Pharmaniaga Dermal SA Ointment harus dielakkan pada kanak-kanak di bawah umur 1 tahun atau jika perlu, digunakan dengan sangat hati-hati hanya dalam tempoh masa yang singkat.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Pharmaniaga Dermal SA Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan berikut jarang dilaporkan apabila kortikosteroid topikal digunakan seperti yang disyorkan. Ia termasuk: -

- Pedih, gatal-gatal, kerengsaan, kekeringan pada kulit.
- Keradangan folikel rambut, pertumbuhan rambut yang berlebihan
- Jerawat
- Alahan keradangan kulit sentuhan
- Kulit pucat (sekitar kulit luka terlalu lembap dan menyebabkannya menjadi putih dan lembut).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Pharmaniaga Dermal SA Ointment

-Penyimpanan

Pastikan semua ubat tidak dapat dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering di mana suhunya sentiasa di bawah 25°C. Lindungi

dari cahaya. Simpan dalam bekas yang tertutup rapat.

Jangan simpan di bilik mandi atau berhampiran sinki atau tingkap.

Jangan tinggalkan ubat ini di dalam kereta semasa cuaca panas. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada bungkusannya. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan itu.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Salap jernih dan licin.

-Bahan-bahan kandungan

-Bahan aktif:

Betamethasone dipropionate 0.05% w/w dan *salicylic acid* 3.0% w/w.

-Bahan tidak aktif:

White soft paraffin dan Liquid paraffin.

-MAL number:

MAL19987988AZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

PHARMANIAGA DERMAL SA OINTMENT

Betamethasone dipropionate/Salicylic acid (0.05% w/w / 3% w/w)

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing
Berhad (60016-D),
11A, Jalan P/1,
Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

04/05/2018

Nombor Siri

NPRA (R4/1)030518/00135